



PRESS RELEASE

Negara Brunei Darussalam is currently experiencing hazy condition. This is due to the predominant hotspots, which occurred in the Borneo Region and brought over by the prevailing southwesterly wind towards Negara Brunei Darussalam. The satellite imagery from the ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC), detected a total of 185 hotspots on 01st August 2026 and 371 hotspots on 02nd August 2026 in Kalimantan.

The Brunei Darussalam Meteorological Department (BDMD), Ministry of Transport and Infocommunications, has informed that Brunei Darussalam is currently experiencing the Southwest Monsoon, with prevailing winds generally blowing from the southwest across the region. Furthermore, according to BDMD's official seasonal rainfall forecast for August 2026, rainfall is expected to be **Slightly Below Normal**, with total monthly rainfall estimated to be approximately **20% to 40% below the normal August rainfall of 230 mm**. Meanwhile, the daily maximum air temperature is expected to range between **34.0°C and 36.0°C**.

The Pollutant Standard Index (PSI) readings recorded from all the air quality monitoring stations (Particulate Matter 10) in the four districts were relatively higher than normal. The air quality in Negara Brunei Darussalam was at **GOOD to MODERATE LEVEL**.

The highest PSI readings recorded today, (**Saturday, 08 August 2026**) between 9.00 am and 4.00 pm, are as follows:

DISTRICT	AIR QUALITY	PSI
Brunei Muara	MODERATE	52
Belait	MODERATE	56
Temburong	GOOD	39
Tutong	GOOD	44

PSI reading below 50 is Good. PSI between 50 and 100 is Moderate.

The Ministry of Health wishes to advise the public that at moderate PSI readings (between 50 and 100), minor health effects such as coughs, eye irritations and runny nose may occur. All individuals with asthma, lung and heart diseases, pregnant women, children, the elderly and those with dust allergies are advised to reduce outdoor physical activities. Those experiencing persistent or worsening respiratory symptoms such as coughs, shortness of breath or difficulty breathing are advised to seek medical treatment at the nearest health centres.

The Department of Environment, Parks and Recreation will keep the public informed of the air quality situation through RTB radio stations, and the Department's website and Instagram.

The public is advised to call the Fire and Rescue Department at the **emergency line 995** immediately for any incidences of bush and forest fires. Meanwhile, the public should refrain from conducting any open burning activities and other actions that may worsen the haze conditions during the dry period.

Members of the public may contact the **Darussalam Hotline 123** for any complaints on open burning activities or for any health information and advice. Further information on PSI readings is available at www.env.gov.bn and Instagram (@jastre.bn). Health information and advice are available at www.moh.gov.bn or MOH official Instagram page.

Latest weather information can be obtained via our mobile application, Brunei WX, or by contacting the duty meteorological forecaster at the Weather Forecast Centre, through our **Weather Line 114**. Aside from that, the public can also visit our website at www.met.gov.bn and follow our official social media channels on Facebook (@bruneiweather), Instagram (@brunei.weather), Telegram and Whatsapp (Brunei Weather).

08 AUGUST 2026

Joint Press Release by:

**Department of Environment, Parks and Recreation, Ministry of Development
Ministry of Health**

Brunei Darussalam Meteorological Department, Ministry of Transport and Infocommunications



SIARAN AKHBAR

Negara Brunei Darussalam pada masa ini mengalami keadaan berjerebu. Keadaan ini adalah disebabkan oleh sejumlah titikpanas akibat dari kebakaran hutan dan lahan yang berlaku di kepulauan Borneo, dengan ditiup angin perlahan dari Barat Daya (*Southwesterly*) menuju ke Negara Brunei Darussalam. Imej satelit yang diterima dari *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* menunjukkan sebanyak 185 titikpanas pada 01hb Ogos 2026 dan 371 titikpanas pada 02hb Ogos 2026 di Kalimantan.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi memaklumkan bahawa Negara Brunei Darussalam pada masa ini berada dalam **Monsun Barat Daya**, di mana angin pada amnya bertiup dari arah Barat Daya di rantau ini. Berdasarkan **ramalan turunan hujan tinjauan bermusim bagi bulan Ogos 2026**, jumlah turunan hujan bagi Negara Brunei Darussalam diramalkan **Sedikit Bawah Normal**, dengan jumlah turunan hujan sekitar **20% hingga 40% di bawah nilai normal bulanan bagi bulan Ogos, iaitu 230 mm**. Pada masa yang sama, suhu udara maksimum harian dijangka berada dalam lingkungan **34.0°C hingga 36.0°C**.

Bacaan kualiti udara yang dicatatkan di semua stesyen pemantauan kualiti udara PM10 (Bahan Partikulat 10) di keempat-empat daerah bagi Negara Brunei Darussalam adalah tinggi berbanding dengan hari-hari biasa. Kualiti udara bagi Negara Brunei Darussalam keseluruhannya adalah ditahap **BAIK ke SEDERHANA**.

Bacaan indeks pencemaran PSI yang tertinggi hari ini (**Sabtu, 08hb Ogos 2026**) sejak jam 9.00 pagi hingga jam 4.00 petang, dicatatkan seperti berikut:

DAERAH	KUALITI UDARA	PSI
Brunei Muara	SEDERHANA	52
Belait	SEDERHANA	56
Temburong	BAIK	39
Tutong	BAIK	44

Bacaan PSI kurang daripada 50 adalah bagi keadaan kualiti udara BAIK. Bacaan PSI diantara 50 dan 100 adalah SEDERHANA.

Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai bahawa pada bacaan PSI sederhana (di antara 50 dan 100), mereka yang tidak mempunyai masalah kesihatan bolehlah melakukan aktiviti luar, manakala bagi kanak-kanak, wanita mengandung, warga tua dan mereka yang menghidap penyakit asma, penyakit paru-paru dan penyakit jantung, atau mempunyai alahan kepada debu adalah dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti fizikal di luar rumah.

Orang ramai yang mengalami gejala seperti batuk berpanjangan atau sesak nafas adalah dinasihatkan untuk berjumpa doctor di Pusat Kesihatan terdekat.

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi sentiasa terus memantau situasi dari masa kesemasa. Orang ramai akan dimaklumkan mengenai dengan kualiti udara melalui stesyen-stesyen radio RTB, laman web dan Instagram Jabatan.

Orang ramai dinasihatkan untuk segera menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat di **talian kecemasan 995** sekiranya berlaku sebarang kejadian kebakaran hutan atau rumput. Dalam masa yang sama, orang ramai juga dinasihatkan agar tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka atau apa-apa aktiviti lain yang boleh memburukkan keadaan, terutamanya semasa musim kering.

Orang ramai boleh menghubungi **Hotline Darussalam 123** bagi sebarang aduan mengenai pembakaran terbuka dan untuk mendapatkan sebarang maklumat dan nasihat kesihatan. Maklumat lanjut mengenai bacaan PSI boleh diperolehi dengan melayari laman web www.env.gov.bn dan Instagram (@jastre.bn) manakala maklumat dan nasihat kesihatan juga boleh diperolehi dengan melayari laman web www.moh.gov.bn atau Instagram rasmi Kementerian Kesihatan.

Maklumat cuaca terkini boleh diperolehi melalui aplikasi mudah alih Brunei WX, atau dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca melalui **Talian Cuaca 114**. Selain itu, orang ramai juga boleh melayari laman sesawang www.met.gov.bn serta mengikuti saluran rasmi kami di Facebook (@bruneiweather), Instagram (@brunei.weather), Telegram dan WhatsApp (Brunei Weather).

08 OGOS 2026

Disediakan oleh:

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan

Kementerian Kesihatan

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi